

05/05/2002

Libya tetap maju walaupun ditekan Barat

Mohamad Azlan Jaafar

JIKA disebut negara Libya kepada kebanyakan orang, tiga perkara sering timbul di fikiran - Muammar Gaddafi, sekatan ekonomi dan kemunduran.

Wujud mitos sebuah masyarakat dalam kegelapan, kebelakang dari negara lain dan kesengsaraan hidup rakyat di negara di utara benua Afrika dan bersempadanan Laut Mediterranean itu.

Semua gambaran ini berikutan kekerapan media barat menggambarkan Libya sebagai mundur dan diketuai seorang pemimpin yang hanya berminat menjadikan kawasan gurun medan melatih pengganas.

Gambaran itu juga dijadikan alasan Amerika Syarikat dan sekutunya untuk menyerang negara itu pada 1986.

Pada 14 April, 1986 sebanyak 160 kapal terbang Amerika melepaskan 60 tan bom di Libya, termasuk di lapangan terbang antarabangsa Tripoli, berek di Bab al-Aziziah yang juga kediaman Gaddafi selain Benghazi serta kemudahan tentera lain.

Ketika pesawat sewa khas Penerbangan Malaysia (MAS) MH4802 yang membawa 180 penumpang, termasuk Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mendarat di Lapangan Terbang Tentera Mitiga, Tripoli, dapat dilihat kesan kemusnahan disebabkan serangan Amerika itu.

Lapangan terbang itu seperti tidak dijaga dan sukar memastikan sama ada ia masih berfungsi sebagai lapangan terbang tentera.

Beberapa hangar kapal terbang ditinggalkan usang manakala bangkai beberapa kapal terbang dilihat di tepi landasan, bukti kezaliman Barat terhadap negara yang 90 peratus penduduknya beragama Islam.

Sebaik turun dari pesawat, perspektif kemunduran mula berubah. Sebaris kira-kira 15 kereta mewah, kebanyakan Mercedes Benz, menanti delegasi Malaysia. Malah, kereta Mercedes Benz 'mata bulat' yang kerap digunakan usahawan di negara ini, digunakan polis Libya manakala polis pengiring menunggang motosikal jenis BMW dan bukan jenama Jepun. Jelas, negara ini bukan lagi dalam kegelapan.

Delegasi Perdana Menteri dibawa melalui lebuhraya empat lorong sehala yang lebih baik jika dibanding di beberapa negeri di Malaysia. Di persimpangan jalan dan bangunan, dapat dilihat poster Gaddafi, pemimpin ulung yang mengetuai rampasan kuasa pada 1969. Tidak ketinggalan gambar pejuang kemerdekaan, Omar Mukhtar yang ditahan dan digantung tentera Itali pada 1931, di Suluq, kira-kira 50 kilometer di selatan Benghazi.

Perjuangan Omar Mukhtar lebih mudah dilihat menerusi filem Lion of the Desert (1979) lakonan Anthony Quinn.

Walaupun tiada bangunan pencakar langit, negara itu tidak semundur dan sepapa yang disangka. Kemodenan mula dilihat di negara dengan kira-kira 6.5 juta penduduk itu.

"Walaupun kami ditekan Amerika Syarikat dan barat menerusi sekatan selama lapan tahun dan diserang serta dibom, kami berjaya mengatasinya," kata Ahmed, seorang pekerja hotel penginapan delegasi Malaysia.

"Kami masih boleh maju. Kami masih boleh bergembira," katanya dengan bangga.

Kurang 200 meter dari Hotel Al-Kahbir, sebuah taman tema keluarga seperti di Genting Highlands, menjadi tumpuan ramai sehingga awal pagi.

Malah, muzik barat dan nyanyian penyanyi popular Amerika Syarikat boleh didengar dari taman itu. Taman tema itu dibuka akhir tahun lalu dan mendapat sambutan baik.

Di kawasan bazar, kira-kira 800 meter dari hotel berkenaan, aktiviti

jualan giat berjalan manakala di kedai sekitar hotel, kasut berjenama, kot dan blazer dijual.

Seorang rakan wartawan, Sharuddin Latiff yang pernah melawat Libya satu masa dulu berkata, ketika itu, beliau terpaksa mengambil kapal dari Malta untuk ke Libya berikutan larangan penerbangan ke negara itu.

"Ketika itu, pengunjung dilarang mengambil gambar. Pengawal keselamatan akan memekik 'no picture no picture'. Kini semuanya sudah berubah. Lebih banyak kenderaan di jalan. Ini adalah Libya yang lebih moden," katanya.

Pengunjung, termasuk warga Eropah dilihat bebas berjalan dan mengambil gambar. Ketika makan di sebuah lorong, didapati penduduknya sibuk meminum sejenis 'teh', menghisap rokok, berbual dan bermain pelbagai permainan tradisional seperti tiada keseimbangan langsung.

Jelas, sekatan ekonomi terhadap negara itu yang digantung pada 1999, menjadi ubat terbaik membawa kemodenan ke negara itu.

Ketika Perdana Menteri dibawa mengunjungi Bab Al-Aziziah, kawasan berek tentera dan serta tempat tinggal Gaddafi, dapat dilihat tinggalan bekas kediaman Gaddafi yang dibom Amerika pada 1986 serta membunuh anak angkat perempuannya.

Bangunan itu dipenuhi bekas tembakan peluru manakala di situ juga disimpan serpihan pesawat yang ditembak jatuh dan mengenai bangunan itu. Ketika berada di bekas kediaman Gaddafi itu dapat dirasai 'kezaliman' Amerika serta kemarahan terhadap kekejaman negara itu.

Malah, ketika Dr Mahathir ditanya mengenai peribadi Gaddafi, beliau berkata, ada kemarahan dalam diri pemimpin Libya itu kerana melihat rakyatnya dibunuh penjajah dan orang asing sejak berkurun lamanya.

Sejak serangan Amerika pada 1986 itu, Gaddafi tinggal di khemah di kawasan Bab Al-Aziziah yang dikelilingi tembok tinggi, pengawal revolusi dan anggota tentera.

Seorang anggota pengawal revolusi berkata, Gaddafi akan tidur di khemah berlainan setiap malam bagi mengelak kedudukannya diketahui musuh, terutama Amerika.

Malah, dikatakan khemah berkenaan disambung menggunakan terowong bagi memudahkan pergerakannya.

Walaupun dianggap penggalak penganas, Gaddafi meletakkan Libya pada peta dunia menerusi Projek Great Man-Made River yang diilhamkan pada 1984 dan fasa pertama dirasmikan pada 28 Ogos, 1991.

Dianggap 'keajaiban kelapan' struktur buatan manusia, setanding Piramid di Mesir dan Tembok Besar China Projek itu membekalkan air dari aquifers di selatan ke kawasan pantai Mediterranean yang diduduki kira-kira 90 peratus penduduk negara itu.

Projek itu membabitkan penggalian 1,300 perigi, sistem rangkaian paip kira-kira sejauh 3,500 kilometer dan lima empangan buatan manusia yang diperbuat menggunakan konkrit di kawasan kering.

Projek bernilai kira-kira AS\$19 bilion menyalurkan 6.5 juta meter padu air kepada penduduk negara itu.

Projek mega itu jelas membuktikan kekuatan rakyat negara itu menempuhi cabaran dan menjadikan pengunjung seperti dari Malaysia, tidak dapat tidak mengagumi kejayaan yang dicapai negara itu.

Seorang pegawai yang terbabit dalam operasi Projek Great Man-Made River itu berkata, yang dilakukan negara itu ialah menggunakan sumber minyak bagi mendapatkan air kerana air ialah nadi kehidupan rakyat negara itu.

Ini sebahagian falsafah kerajaan pimpinan Gaddafi yang menggabungkan Islam dan aspek tertentu fahaman sosialis. Malah, ketika di lobi sebuah hotel tertera papan tanda:

"Jika anda tiada tempat tinggal, masyarakat akan menjaga anda (If you don't have a dwelling, the society will take care of you)."

Ini rangkuman terbaik sebuah kerajaan yang cuba bangun daripada debu

penjajahan, kemusnahan, penindasan dan tohmahan barat bagi memastikan penduduknya mempunyai tempat yang boleh berbangga dipanggil `rumah'.

Kira-kira 10 sehingga 20 tahun akan datang, Libya baru akan wujud, dan proses itu sudah bermula. Libya itu jelas mempunyai ciri `Lion of the Desert'.

(END)